

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Pertimbang perkenal terma NCD bagi insurans kesihatan

Kerajaan diminta timbangkan supaya terma Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) juga dipertkenalkan bagi insurans kesihatan seperti yang dilaksanakan dalam insurans kenderaan.

Ia bagi mengurangkan beban pemegang polisi menghadapi kenaikan kadar premium kesihatan yang dilakukan syarikat insurans setiap tiga tahun.

Menyentuh perkara itu, Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) berkata syarikat insurans meningkatkan kadar premium insurans kesihatan setiap tiga tahun menyebabkan ada pemegang polisi terpaksa berhenti mencarum kerana tidak mampu.

"Mereka ini kebanyakannya warga emas yang membeli insurans kesihatan ketika premium diketahui pada kadar yang rendah ketika muda, tetapi apabila premium meningkat sehingga 100 peratus yang membebankan sehingga mereka tidak mampu membayarnya.

"Ini menyebabkan mereka mendapatkan rawatan di hospital kerajaan yang secara tidak langsung membebankan kerajaan, sedangkan hospital swasta dan syarikat insurans mendapat keuntungan yang lebih," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Justeru, Poay Tiong meminta Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan mengawal penetapan premium insurans kesihatan oleh syarikat insurans yang meningkat hamir 100 peratus sehingga membebani rakyat.

Menjawab persoalan yang dikemukakan itu, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, inflasi kos perubatan yang tinggi dan trend penggunaan perkhidmatan kesihatan yang semakin meningkat adalah antara faktor utama yang mendorong peningkatan kadar premium/ sumbangan insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (MHT).

Katanya, isu inflasi kos perubatan memerlukan tindakan berspadu semua pihak untuk memastikan akses kesihatan dan produk MHT kekal mampan dan mampu milik dalam jangka masa panjang.

"Kerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) juga sedang dipergiat untuk melaksanakan inisiatif yang terkandung di dalam Kertas Putih Kesihatan berkaitan pemerkasaan sistem kesihatan negara.

"BNM baru-baru ini menerbitkan panduan terkini perniagaan MHT bagi memastikan produk itu kekal mampan dan mampu milik," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Inisiatif Hospital Gleneagles Johor perkasakan perkhidmatan kesihatan komuniti, masyarakat

Iskandar Puteri: Hospital Gleneagles Johor (GHJ) menyumbangkan mesin imbasan tomografi berkomputer (CBCT) kepada Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) di Batu Pahat, di sini sebagai inisiatif memperkasakan industri penjagaan kesihatan di Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Gleneagles Johor dan Ketua Pegawai Eksekutif Serantau, Hospital Selatan dan Timur, IHH MY, Dr Kamal Amzan, berkata pihaknya yakin sumbangan berkenaan mampu melengkapkan keperluan perkhidmatan kesihatan komuniti di Batu Pahat.

Beliau berkata, sumbangan peralatan pengimianan diagnostik yang tepat dan terperinci juga dapat memastikan penjagaan pesakit yang lebih baik, hasil rawatan lebih baik serta mengurangkan masa menunggu pesakit.

"Dengan menyumbang mesin imbasan CBCT ini kepada HSNI, kami berharap dapat mengurangkan masa dan tempoh perjalanan pesakit yang sejarah dengan matlamat kami untuk mengurangkan beban kesihatan awam.

"Usaha ini menunjukkan komitmen GHJ untuk membina hubungan yang kukuh dengan pusat perubatan awam, selain me-

mupuk pendekatan kolaboratif bagi menangani cabaran penjagaan kesihatan serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan perubatan lanjut.

"Menerusi sumbangan ini, GHJ berhasrat untuk memperkuatkan keberkesanannya kerjasama dalam menangani keperluan penjagaan kesihatan serta kebolehcapaian yang lebih baik bagi industri penjagaan kesihatan berkualiti di Johor dan seluruh negara," katanya pada sidang media sempena sesi penyerahan mesin CBCT di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pegawai Pergigian Daerah Batu Pahat, Dr Nor Fatimah Syahraz Abdul Razakek.

Penyerahan sumbangan

Dr Kamal berkata, sumbangan mesin berkenaan juga bagi menyokong akses penjagaan kesihatan menerusi pemerkasaan hospital awam.

Katanya, pihaknya yakin HSNI boleh memanfaatkan sumbangan itu serta memberi manfaat secara berterusan kepada orang ramai.

"Kami yakin inisiatif dipelopori GHJ akan menjadi kesinambungan dalam kalangan hospital dan pusat perubatan swasta lain di negara ini.

"Kami juga menyeru hospital



Dr Kamal menyerahkan replika sumbangan mesin imbasan tomografi berkomputer kepada Dr Nor Fatimah sebagai tanda penyerahan di Hospital Gleneagles di Iskandar Puteri.

(Foto Mary Victoria Dass/BH)

swasta lain bersama-sama dalam usaha membantu hospital awam akses kepada kemudahan yang jauh dari jangkauan.

"Kami yakin sebarang sumbangan kepada hospital awam menggariskan kepercayaan GHJ terhadap kepentingan kerjasama antara sektor penjagaan kesihatan swasta dan awam untuk memastikan teknologi perubatan terkini boleh diakses oleh pel-

bagai lapisan masyarakat.

"Malah inisiatif ini menjadi platform bagi pelbagai bentuk kerjasama pada masa depan termasuk perkongsian ilmu perubatan dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, Dr Nor Fatimah berkata, CBCT membolehkan imej dimanipulasi dan diproses menggunakan komputer untuk melihat gigi dan rahang dalam pelbagai arah bagi membolehkan

doktor untuk mengetahui masalah berkaitan gigi dan menentukan rawatan gigi sesuai.

"Mesin itu bakal menjadi ke mudahan tambahan di institusi perubatan awam Batu Pahat dan memudahkan pesakit tanpa perlu dirujuk ke hospital berjauhan."

"Kami berterima kasih atas sumbangan ini dan menghargai inisiatif GHJ," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Ramai peniaga bazar Ramadan di negeri ini dikenakan tindakan kompaun kerana memakai pakaian tidak bersih, enggan memakai apron dan penutup kepala.

Setakat ini Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mengeluarkan 80 notis kompaun bernilai RM8,700 kepada pengendali makanan di bazar seluruh Kelantan sejak 1 Ramadan sehingga semalam.

Pengarhanya, Datuk Dr Zaini Hussin, berkata, notis kompaun mengikut Seksyen 32B Akta Makanan 1983 itu dikeluarkan kepada pengendali makanan yang melanggar pelbagai kesalahan.

Katanya, antara kesalahan utama yang dilakukan termasuk ketidakpatuhan pada pengendali makanan seperti tidak memakai apron, kasut, penutup kepala dan pakaian tidak bersih.

"Bagaimanapun, sebanyak 96.5 peratus membabitkan 991 premis makanan serta gerai di bazar Ramadhan negeri itu berada pada

Apron, kasut tidak dipakai

JKNK keluar 80 notis kompaun terhadap peniaga bazar Ramadan ingkar peraturan

tahap bersih. Statistik ini membabitkan pemeriksaan ke atas 1,027 gerai dan 1,672 pengendali makanan yang beroperasi sepanjang bulan puasa di seluruh Kelantan.

"Terdapat 1,592 pengendali makanan mendapat suntikan anti tifoid dan seramai 1,522 menghadiri kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM), sekali gus menunjukkan majoriti pekerja akan peraturan untuk bermiaga secara sihat sepanjang Ramadan.

"Pada tahun ini, 69 bazar Ramadan berdaftar dengan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) di Kelantan berbanding 66 bazar tahun lalu membabitkan sejumlah 3,824 petak perniagaan," katanya selepas Majlis Pelancaran Walkabout Kempen Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan Lembah Sireh di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, JKNK melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Maka-



DR Zaini (kanan) menyampaikan sijil kepada penerima Anugerah Gerai Bersih pada Majlis Pelancaran Walkabout Kempen Keselamatan Makanan di Bazar Ramadan Lembah Sireh, Kota Bharu.

nan (BKKM) menubuhkan 46 pasukan pemantau yang terdiri daripada 180 orang Penolong Pegawai Kesih-

tan Persekutuan dan Pembantu Kesihatan Awam bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan.

"Antara inisiatif yang dijalankan adalah dengan membuat ujian terhadap sampel makanan secara ra-

wak bagi mengenalpasti tahap kebersihan dan keselamatan makanan yang dijual.

"Dalam masa sama, pengguna dinasihatkan membeli makanan dari pada premis dengan persekitaran yang bersih serta memastikan makanan yang dijual dalam keadaan dilindungi dengan sempurna.

"Sekiranya ada sebarang penjualan makanan yang tidak bersih, orang ramai boleh menyuraukan aduan berkaitan kebersihan dan keselamatan makanan dengan mengimbas kod 'QR' yang terdapat pada banner promosi keselamatan makanan di setiap bazar Ramadan.

"Setakat ini, kita belum menerima sebarang kes keracunan makanan yang melibatkan makanan di bazar Ramadan kecuali satu aduan penemuan benda-sing dalam makanan yang diterima di sebuah bazar di Kuala Krai," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION/NEWS

FROM 2021 TO 2023

3,046 contract medical officers resigned

KUALA LUMPUR: A total of 3,046 contract medical officers resigned between 2021 and 2023.

The Health Ministry said 768 out of 26,303 resigned in 2021; 1,354 out of 29,548 in 2022 and 924 out of 32,813 in 2023.

"The reasons given by those who had resigned included them getting an offer to work as a public university lecturer, working with the private sector, as well as due to personal reasons and

health problems," the ministry said in a Dewan Negara written reply to Senator Dr R.A. Lingeshwaran.

Dr Lingeshwaran had asked about the number of contract-status medical officers who resigned each year from 2021 to 2023.

To a question on the number of medical officers on contract status, the ministry said up to Dec 31, there were 14,511 of them.

"Of the total, 6,478 were housemen and 8,033 were medical officers."

The ministry said from 2019 to 2023, 9,822 medical officers were made permanent.

"From this year to next year, the ministry projected that more than 6,000 contract medical officers, who are fully registered with the Malaysian Medical Council, are to be absorbed into permanent positions."